



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 29/2012 (15 hingga 21 Julai 2012)

Situasi Demam Denggi di seluruh negara pada tahun ini iaitu dari Januari hingga 21 Julai 2012, sebanyak 12,837 kes yang dilaporkan, meningkat sebanyak 12% atau 1,330 kes berbanding 11,507 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011 (Lampiran A). Manakala jumlah kematian akibat Denggi bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 25 kematian, meningkat sebanyak 6 kes berbanding tahun 2011.

Pada minggu ke-29 tahun 2012, iaitu dari 15 hingga 21 Julai sejumlah 319 kes Demam Denggi dan tiada kematian dilaporkan. Sebanyak empat (4) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Terengganu meningkat sebanyak 4 kes (31%), Johor 3 kes (10%) dan masing-masing meningkat 2 kes di Perlis (100%) dan Sarawak (12%). Sejumlah 76 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 19 daerah dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 70,204 premis telah diperiksa dengan 958 premis positif pembiakan Aedes dan menunjukkan Kadar Pembiakan Aedes (Aedes Index) iaitu 1.36 % yang melebihi nilai yang ditetapkan 1%.

Berikut dengan musim hujan yang berlaku pada masa ini, terutama di kawasan Lembah Klang, semua masyarakat diingatkan supaya lebih peka terhadap kebersihan di persekitaran rumah masing-masing. Pastikan tiada tempat-tempat yang boleh menakung air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Luangkan masa hanya 10 minit seminggu, periksa persekitaran kawasan rumah, hapuskan tempat-tempat yang boleh menjadi tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat takungan air yang kekal gunakan ubat pembunuhan jentik-jentik.

Begitu juga dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi kerajaan yang berkenaan, pastikan semua tempat-tempat tumpuan awam adalah bebas dari pembiakan Aedes. Sempena bulan Ramadan ini, perhatian yang lebih perlu diberikan kepada kawasan yang menjadi tapak Pasar Ramadan yang akan menjadi tumpuan orang ramai. Pastikan semua tapak Pasar Ramadan ini bebas dari tempat pembiakan Aedes. Para peniaga dan pengunjung juga perlu memberi kerjasama agar tidak membuang sampah merata-rata. Pastikan sisa-sisa perniagaan serta bekas-bekas makanan dan minuman dibuang ditempat yang disediakan. Dalam musim hujan sebegini, ianya akan menjadi tempat pembiakan Aedes dan boleh menularkan penyakit Demam Denggi. Kerjasama dari semua pihak amat diharapkan bagi memastikan semua kawasan bebas daripada nyamuk Aedes.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

23 Julai 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 29/2012
(15 hingga 21 Julai 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2011
		Minggu 29 (15 – 21 Julai 2012)	Minggu 28 (8 – 14 Julai 2012)		
1	Perlis	4	2	114	47
2	Kedah	18	20	479 (3)	271
3	P. Pinang	17	19	491 (1)	1,111 (2)
4	Perak	26	29	897 (3)	727 (2)
5	Selangor	109	136	5,822 (11)	4,415 (5)
6	WPKL & Putrajaya	22	27	1,208 (3)	1,058 (1)
7	N. Sembilan	11	12	252 (1)	442
8	Melaka	6	9	318	250
9	Johor	34	31	935 (1)	1005 (5)
10	Pahang	6	11	388 (1)	544 (1)
11	Terengganu	17	13	448	405 (1)
12	Kelantan	18	21	659	387 (1)
13	Sarawak	19	17	546	578
14	Sabah	12	13	272 (1)	261 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	6
	MALAYSIA	319	360	12,837 (25)	11,507 (19)

Nota: () Kematian